

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6/5/2014

Cukai yang adil, progresif dan tidak membebankan - Najib GST penting demi negara

Oleh SHARAIMEI SHAIK
AHMEDULLAH
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 5 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan pada April tahun hadapan merupakan sistem percukaian yang adil, progresif dan tidak membebankan rakyat.

Perdana Menteri berkata, sistem tersebut yang digunapakai di hampir 90 peratus negara di seluruh dunia telah terbukti berjaya dan diterima dengan baik oleh rakyat negara-negara berkenaan.

Beliau berkata, biarpun pengenalan terhadap sistem percukaian tersebut dilihat sebagai bukan langkah populis, usaha itu penting bagi jangka masa panjang untuk meningkatkan hasil negara.

"Sistem GST ini adalah satu sistem percukaian progresif yang boleh membantu kita memperluaskan pendapatan negara, kita sudah mengkaji perkara ini begitu lama.

"Sistem ini telah digunapakai oleh hampir 90 peratus negara di dunia. Tentu sekali bagi kita di Malaysia kalau hendak guna pakai GST, mestilah telah didapati satu sistem yang adil, progresif dan boleh diterima oleh rakyat, kalau tidak rakyat di 190 negara sudah menolak sistem



NAJIB Tun Razak ketika menyampaikan ucapan kepada warga kerja Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada Perhimpunan Bulanan JPM di Dataran Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Turut sama, Jamil Khir Baharom (kanan), Ali Hamsa dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal (kiri). - BERNAMA

ini," katanya ketika berucap dalam perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di Bangunan Perdana

Putra di sini hari ini.

Yang hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk

Seri Abdul Wahid Omar; Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr.

Ali Hamsa.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut membidas tindakan sesetengah pihak yang memutarbelitkan dan menanam kebencian terhadap kerajaan ekoran pelaksanaan sistem tersebut semata-mata untuk mendapatkan kepentingan politik.

"Adakalanya kita perlu membuat keputusan yang kita tahu kesudahannya untuk kebaikan kita tetapi dalam jangka masa pendek mungkin akan hadapi sedikit sebanyak kesukaran kerana ada pihak putar belit atau menanam kebencian terhadap kerajaan," katanya.

Beliau berkata, masalah catuan air yang berlaku di Lembah Klang sekarang disebabkan tindakan kerajaan negeri Selangor yang menolak cadangan Kerajaan Pusat untuk membina Loji Rawatan Air Langat 2 (Langat 2) pada 2009.

"Kesudahan ini sebenarnya boleh dielakkan. Saya hendak tekankan jangan melihat soal populis semata-mata adakalanya pertimbangan kita apakah kebaikan kepada rakyat walaupun jangka pendek kita mungkin hadapi kesukaran.

"Analogi yang mudah bila kita perlu pada ubat antibiotik kita mesti makan ubat itu sampai habis, bila habis kesihatan kita pulih," katanya.